

**R**ASULULLAH SAW pernah bersabda: *Umatku akan berpecah belah sebanyak 73 golongan, semuanya berada di api neraka (sesat), kecuali satu.* Lalu para sahabat bertanya kepada baginda: Siapakah mereka Ya Rasulullah? Maka jawab baginda: *Siapa yang berpegang dengan aku dan sahabat-sahabatku.* (Riwayat al-Tirmidzi) Daripada hadis ini, umat Islam dapat faham bahawa perbezaan dan khilaf pasti terjadi di dalam Islam. Ini adalah fitrah yang telah Allah gariskan kepada makhluknya.

Perbezaan yang terjadi wujud pada dua aspek: 1. *Usul* (pokok) 2. *Furu'* (cabang). Perbezaan di dalam *usul* adalah seperti perbezaan dalam hal-hal pokok yang mencakupi akidah dan fikah.

Contoh *usul* akidah adalah perbezaan antara sunni dan syiah tentang status keimanan Saidina Muawiah yang dikafirkan oleh syiah. Walhal beliau termasuk penulis wahyu bersama sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang lain. Contoh *furu'* dalam akidah pula adalah perbezaan antara sesama sunni seperti perbezaan sifat wajib Allah adakah 13 atau 20?

Perbezaan dalam *usul* akidah seperti yang diterangkan tadi tidak menyebabkan ulama sunni mengkafirkan syiah, akan tetapi mereka sepakat mengeluarkan syiah daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Sebabnya, ini adalah perbezaan yang tidak dapat ditoleransi. Sedangkan perbezaan dalam *furu'* akidah pula tidak terkeluar dari keluarga besar Ahli Sunnah kerana ia hanya perbezaan sisi pandang pada hujah.

Perkara yang hampir sama biasa terjadi dalam fikah juga. Contoh *usul* dalam fikah adalah nikah *mut'ah* yang disepakati oleh ulama sunni sebagai haram secara ijmak. Sedangkan *furu'* dalam fikah pula lebih banyak terjadi seperti khilaf ulama tentang kesunatan melafazkan niat untuk wuduk dan solat.

Dalam mazhab Syafie ia adalah sunat kerana membantu perkara wajib sedangkan Maliki, ia makruh. Perbezaan *usul* dalam fikah tersebut membuat pengamalnya dikeluarkan daripada ASWJ seperti syiah. Sedangkan perbezaan dalam *furu'* fikah masih sangat diraikan di dalam ASWJ.

Walau bagaimanapun,



# Mengurus khilaf ulama

PENA  
**DR. AYMAN**

Oleh  
*Dr. Ayman al-Akiti*



isu yang terbesar melanda umat Islam hari ini adalah bagaimana kita mengurus khilaf ini. Apakah perbezaan dalam *usul* akidah terus membuat kita mengkafirkan pelakunya? Malah menuduhnya sebagai zindiq atau seumpamanya?

Imam al-Ghazali telah meletakkan garis merah bahawa perbezaan di dalam *usul* akidah sama sekali tidak membuatkan kita boleh mengkafirkannya selagi ia masih dalam ahli kiblat dan tidak melanggar perkara-perkara *ma huwa maklum min al-din bi al-darurah* (yang diketahui dalam agama secara pasti).

Perbezaan dalam *furu'* akidah pula tidak sepatutnya dijadikan sebab bergaduh dan saling caci maki atau kutuk-mengutuk. Ia sepatutnya menjadi tempat saling mengkaji pandangan masing-masing dan bertukar pandangan agar mendapatkan solusi hujah terkuat.

Sedangkan khilaf *usul* dalam fikah pula adalah khilaf yang keji lebih-lebih lagi ia menyalahi ijmak ulama. Maka pihak kerajaan tentunya perlu melarang perkara ini berlaku. Sedangkan di peringkat awam tidak sepatutnya dibuka pintu untuk saling kafir mengkafir. Walaupun perkara ini salah, akan tetapi ia merupakan tugas kerajaan menyelesaikannya bukan awam.

Khilaf *furu'* dalam fikah



MANUSKRIP contoh capal Rasulullah SAW yang dikarang oleh ulama.

jugabanyak membuat orang awam merasa keliru dan menjadi punca sengketa. Misalnya perbuatan melafazkan niat masih ada suara-suara yang menuduhnya sebagai bidaah yang keji, walhal dalam mazhab Syafie ia adalah sunat.

## PERKARA KHALIF

Orang yang membidaahkan perkara khilaf telah melanggar kaedah penting yang ulama semasa sebutkan iaitu *la tabdi'a fi masail al-khilaf* (tiada pembidaahan dalam masalah yang diperselisihkan oleh ulama).

Selain itu, ada isu yang ratusan ulama mengharuskannya bahkan memfatwakan kesunahannya.

Namun, masih ada suara-suara yang menuduh syirik perbuatan tersebut, misalnya isu tawasul dan *istighathah*.

Sayyid Muhammad Alawi al-Maliki menjelaskan, *istighathah* adalah memohon bantuan kepada orang yang hidup ataupun mati. Ia diharuskan dengan syarat orang tersebut beriktikad bahawa segala manfaat dan mudarat hanya Allah SWT jualah yang menjadikan.

Sumber keharusan *beristighathah* adalah sebuah *athar* yang mengisahkan bendarai Saidina Umar r.a ketika musim kemarau telah pergi ke makam Rasulullah SAW dan berkata: "Ya Rasulullah! Mintakanlah hujan kepada Allah, sesungguhnya umat-mu

sudah binasa".

Lalu Baginda Rasulullah SAW mendatangi kepadanya dalam mimpi dan berpesan untuk bertemu dengan Umar r.a dan menyampaikan salam. Ketika berita itu disampaikan kepada Umar r.a maka Umar tidak membantah perbuatan bendaharinya bahkan berkata: Ya Tuhanku! Tidak aku berputus asa melainkan pada perkara yang tidak aku berdaya.

*Athar* ini disahihkan oleh banyak ulama termasuk al-Hafiz Ibn Hajar, al-Hafiz Ibn Kathir murid kepada Ibn Taymiyyah dan lain-lain.

Isu keharusan bertawasul dan *istighathah* juga dianjurkan oleh banyak ulama seperti Imam al-Nawawi, al-Suyuti, Ibn Hajar al-Haytami, al-Subki, al-Qastalani, Mula Ali Qari, al-Qadi Iyyad, al-Bayhaqi, al-Ramli dan lain-lain ulama.

Maka kalaupun ada yang berbeza pendapat dengan banyak ulama ini, apakah layak untuk menuduh orang yang melakukan tawasul dan *istighathah* sebagai syirik besar? Bukankah kalau sudah disyirikkan pelakunya, maka hukum kufur pula boleh jatuh kepada batang tubuh pelakunya?

Akhirnya budaya kafir mengkafir akan lahir, walhal ia adalah perkara khilaf yang diharuskan banyak ulama besar. Mengapa mereka tidak berpegang pada *la takfira fi masail al-khilaf* (tiada pengkafiran dalam masalah-masalah khilaf)?

PENULIS ialah Pensyarah Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama UIAM & Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)